

TEKS UCAPAN

**YB. DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS PERHIMPUNAN PERDANA WARGA KEMAS SEMPENA HARI
PENDIDIK 2016**

MAEPS, SERDANG SELANGOR

**02 JUN 2016 (KHAMIS)
WAKTU KETIBAAN : 10.40 PAGI**

Bismillahirrahmanirrahhim,

Assalamualaikum wbt, Salam Sejahtera

YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak
Perdana Menteri Malaysia,

YBhg Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman
Ketua Setiausaha
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

YBhg Dato' Haji Hassan bin Mohd Amin
Ketua Pengarah KEMAS

Dato'-dato', Datin-Datin, dhif-dhif jemputan,
Tuan-tuan, Puan-puan, Ahli Jawatankuasa Tabika dan warga Pendidik KEMAS yang diraikan
sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, pertama sekali marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya maka kita dapat bersama-sama pada majlis petang ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia di atas kesudian meluangkan masa untuk hadir di Majlis Perhimpunan Pendidik KEMAS Bersama Perdana Menteri Tahun 2016 dan beramah mesra bersama dengan warga Pendidik KEMAS pada petang ini.

2. Ucapan tahniah kepada KEMAS kerana berjaya menganjurkan Majlis ini dan menghimpunkan seluruh anggota KEMAS dari segenap pelusuk negara yang hadir dengan harapan agar pertemuan ini akan membawa lebih kegembiraan, kemesraan dan mengeratkan hubungan sesama kita semua dalam melaksanakan amanah, memperkasa agenda transformasi negara terutama transformasi di luar bandar. Semoga kehadiran YAB Dato Sri akan menyemarakkan lagi iltizam seluruh warga KEMAS dalam menyempurnakan tugas dan tanggungjawab sebagai pendidik kepada semua masyarakat diseluruh negara.

YAB Dato' Sri, Dato-Dato, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dirahmati sekalian,

PERHIMPUNAN PENDIDIK KEMAS BERSAMA PERDANA MENTERI

3. Perhimpunan Pendidik KEMAS Bersama Perdana Menteri ini adalah bertujuan untuk menghargai para pendidik KEMAS yang telah memperuntukkan seluruh kehidupan mereka dalam memberikan pendidikan yang terbaik kepada masyarakat juga sebagai penghargaan di atas jasa pendidik KEMAS yang telah melahirkan modal insan cemerlang dan memartabatkan sesuatu tamadun. Selain itu, majlis ini juga merupakan sambutan 55 tahun KEMAS.

4. Justeru, pada hari ini kita akan menyaksikan penyampaian anugerah kepada para pendidik KEMAS iaitu Anugerah Perkhidmatan Setia (APS) yang akan diberikan kepada anggota KEMAS yang telah sekian lama menabur bakti kepada masyarakat, yang melaksanakan tugas tanpa mengenal erti penat dan lelah. Seterusnya, Anugerah Tokoh Pendidik KEMAS dianugerahkan kepada Pemaju Masyarakat KEMAS yang menunjukkan prestasi kerja cemerlang di samping memberikan perkhidmatan yang baik kepada masyarakat demi untuk meningkatkan imej KEMAS.

5. Di samping itu, para pemimpin tempatan, komuniti, orang perseorangan dan ibu bapa yang telah memberikan sumbangan bakti ikhlas serta aktif dalam apa jua program dan aktiviti yang telah dilaksanakan oleh KEMAS akan turut dihargai melalui Anugerah Khas.

6. Pendidik KEMAS yang dikenali sebagai Pemaju Masyarakat KEMAS bukan sahaja terdiri daripada Pemaju Masyarakat Tabika dan Taska PERMATA KEMAS tetapi juga Pemaju Masyarakat yang telah mendidik masyarakat dalam bidang jahitan, masakan, bina insan dan bidang kemahiran yang lain. Mereka inilah yang telah memberikan khidmat dan bakti dalam memastikan penduduk kita di luar bandar bukan sahaja boleh menggunakan kemahiran berkenaan untuk diri sendiri malah bagi meningkatkan pendapatan keluarga melalui keusahawanan dan perniagaan.

7. Saya ingin mengimbau sejarah penubuhan KEMAS 55 tahun yang lepas. KEMAS lahir sebagai Bahagian Pelajaran Dewasa di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar pada tahun 1961 semasa Allahyarham Tun Abdul Razak menjadi Menteri Pembangunan Luar Bandar. Warga KEMAS mempunyai nostalgia tersendiri kerana Allahyarham Tun Abdul Razak menubuhkan KEMAS 55 tahun yang lepas dan kini anakandanya pula akan memperlengkapkan lagi struktur perkhidmatan warga KEMAS. Semasa era Tun Abdul Razak, KEMAS mempelopori usaha membasmi buta huruf yang kemudiannya diperkembangkan dengan program-program seperti Ekonomi Rumah tangga (ERT), Kelas Latih Kerja (KLK) dan Rancangan Desa Usaha (RDU). Pelbagai jawatan yang diwujudkan dengan mengambil aktivitis-aktivitis masyarakat

setempat sebagai Penyelia dan Pemaju Kampung. Justeru, asal usul KEMAS adalah bagi membangunkan masyarakat dan desa-desa.

INSENTIF/PEMBERIAN KHAS OLEH KERAJAAN

8. Sejak anakanda kepada Allahyarham Tun Abdul Razak iaitu YAB Dato' Sri Mohd Najib menjadi Perdana Menteri pada tahun 2009, telah banyak perubahan dan penambahbaikan beliau lakukan terhadap KEMAS. Saya mewakili KEMAS dan KKLW mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YAB Dato' Sri. Saya juga mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Ybhg. Dato' Melati Ali, Presiden Persatuan Bekas Anggota KEMAS (PBAKM) yang telah banyak memperjuangkan kebajikan bekas anggota KEMAS. Insentif dan pemberian kerajaan ini juga hasil dari usaha beliau bersama rakan-rakan dalam PBAKM.

9. Kerajaan sentiasa memberi perhatian ke atas kebajikan kakitangan awam termasuk KEMAS. Pelbagai insentif telah diberikan kepada penjawat awam termasuk pegawai dan kakitangan KEMAS terutama kakitangan kontrak yang terdiri 94% daripada keseluruhan warga KEMAS. Insentif-insentif yang diberikan ini adalah sebagai penghargaan oleh Kerajaan kepada sokongan padu dan kesetiaan anggota KEMAS yang selama ini sentiasa membantu kerajaan dalam memastikan *status-quo* kerajaan yang memerintah dan kestabilan sosio-politik negara tetap terpelihara. Antara intensif-intensif dan pemberian kerajaan sejak YAB Dato' Seri Mohamad Najib menjadi Perdana Menteri ialah:

Pertama : Menambahbaik gred perkhidmatan kakitangan iaitu skim perkhidmatan Pembantu Tadbir Rendah Gred N11 telah dinaiktaraf ke Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S17. Insentif berkenaan telah melibatkan seramai 9,426 orang kakitangan KEMAS pada tahun 2012;

Kedua : Pemberian Bantuan Khas secara 'one off' kepada bekas anggota kontrak KEMAS bernilai RM3000 seorang pada tahun 2012. Seramai 8,345 orang bekas anggota KEMAS telah menikmati bantuan ini dengan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM18 juta;

Ketiga : Pemberian bantuan sara hidup sebanyak RM300 sebulan kepada bekas anggota KEMAS yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun dan tamat perkhidmatan pada umur 55 tahun keatas mulai bulan Januari 2015. Sehingga kini, seramai 2,940 anggota KEMAS telah menerima manfaat dengan perbelanjaan sebanyak 10.5 juta. YAB Dato' Seri, pemberian ini walaupun kecil tetapi besar ertinya kepada bekas anggota KEMAS yang sebahagiannya tidak mempunyai pendapatan tetap dan ada yang jatuh dalam kelompok miskin dan termiskin.

Keempat : Pemanjangan faedah PERKESO kepada kakitangan kerajaan yang berstatus kontrak dan sambilan mulai tahun 2013. Kerajaan mengambil keputusan itu bagi memastikan kebajikan pekerja dan anggota keluarga mereka turut dijamin di bawah Skim Perlindungan Bencana Pekerjaan dan Pencen Ilat seperti pekerja di sektor swasta. Semua kakitangan kontrak KEMAS yang berjumlah 17,124 orang juga turut terlibat menerima faedah ini.

Kelima : Pegawai lantikan secara kontrak perkhidmatan (*Contract of Service*) yang berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun boleh dilantik secara tetap mulai 1 Julai 2016 tertakluk memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Keputusan ini adalah atas dasar keprihatinan Kerajaan terhadap sumbangan dan khidmat bakti pegawai kepada negara. Pegawai lantikan secara kontrak perkhidmatan di KEMAS yang terlibat dalam urusan ini adalah seramai 8,709 orang. Proses perlantikan ini pula telah dipermudahkan oleh pihak kerajaan.

Keenam: Pada 21 Januari 2015, Penstrukturan Semula Organisasi bagi kakitangan tetap KEMAS telah diluluskan melibatkan pertambahan sebanyak 51 jawatan baharu dan kenaikan gred kakitangan di peringkat daerah, negeri & ibu pejabat. Melalui penstrukturan semula, kakitangan

tetap ini hampir semua kategori pegawai KEMAS telah mendapat peluang kenaikan pangkat kecuali golongan penyelia seramai 1,263 orang yang tidak mendapat kenaikan gred sejak 20 tahun lalu iaitu sejak tahun 1996. Penstruktur semula kakitangan kontrak KEMAS adalah bagi manfaat golongan ini yang InsyaAllah turut akan di pertimbangkan oleh YAB Perdana Menteri dan kerajaan. Saya percaya YAB Perdana Menteri akan mengumumkan berita gembira dalam ucapannya sebentar lagi.

YAB Dato' Sri, Dato-Dato, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dirahmati sekalian,

PENINGKATAN KUALITI PROGRAM PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

10. KEMAS adalah perintis pendidikan awal kanak-kanak melalui penubuhan Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TABIKA) pada tahun 1970, kemudian diikuti dengan pengoperasian Taska KEMAS pada tahun 1995. Melalui program PERMATA Negara, Taska KEMAS telah ditambah nilai menjadi Taska PERMATA KEMAS pada tahun 2008. Sesungguhnya pendidikan awal kanak-kanak merupakan permulaan bagi membangunkan sesebuah negara. Setiap kanak-kanak merupakan aset yang paling bernilai kepada masyarakat kerana mereka inilah yang bakal menjadi pewaris bangsa kita, bangsa Malaysia.

11. Sehingga kini KEMAS telah berjaya membuka sebanyak 11,190 buah kelas Tabika dan 490 buah kelas Taska PERMATA KEMAS yang telah memberi peluang kepada seramai 230,000 orang kanak-kanak diserata pelusuk tanah air yang menjangkau ke kawasan pedalaman, luar bandar, pulau-pulau dan kawasan orang asli.

12. Pada bulan November 2015, KKLW telah melancarkan Program Transformasi Luar Bandar dimana salah satu dari transformasi berkenaan ialah Tabika Berprestasi Tinggi Sebagai Pilihan

Utama Ibu Bapa. Untuk itu, KEMAS telah menyahut cabaran dengan mengambil dua langkah utama iaitu:-

Pertama; pelaksanaan Program Pemupukan Semangat Patriotik Tabika, Program Penghayatan Pendidikan Islam serta Program Bitara KEMAS. Program-program ini bukan sahaja dapat meningkatkan ilmu agama dalam diri kanak-kanak dan menambah keyakinan dalam diri mereka tetapi lebih dari itu, program ini akan dapat melahirkan kanak-kanak yang akhirnya nanti mempunyai semangat jati diri yang kukuh dan kental serta dapat menyokong semangat cintakan agama, bangsa dan negara.

Kedua; KEMAS juga sedang dalam usaha mempertingkatkan kemudahan infrastruktur premis-premis KEMAS. Dalam hal ini bukan sahaja kemudahan di Tabika dan Taska PERMATA KEMAS yang dinaiktaraf, tetapi juga turut meningkatkan kemudahan dan prasarana bangunan milikan KEMAS yang menempatkan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan kemahiran seperti kelas bina insan, kelas jahitan, masakan dan juga proram kemahiran yang lain.

13. Pemaju Masyarakat (PM) Tabika KEMAS juga sentiasa diperkasa melalui program latihan pementapan profesionalisme secara berterusan. Sejak tahun 2006, Kerajaan telah menyediakan peruntukan yang tinggi untuk menghantar Pemaju Masyarakat mengikuti pengajian di Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta bagi membolehkan mereka mendapatkan Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak. Lanjutan daripada itu, selepas menamatkan pengajian, Pemaju Masyarakat (PM) berkenaan dilantik atas Gred S27.

14. Hasilnya sehingga kini terdapat seramai 4,682 orang Pemaju Masyarakat (PM) Tabika dan Taska PERMATA KEMAS yang berkelulusan Diploma dengan menjawat jawatan di Gred S27. Sedangkan sebelum itu, sejak tahun 1996, Pemaju Masyarakat (PM) Tabika KEMAS hanyalah

berjawatan Pembantu Tadbir Rendah dengan Gred N11 dan apabila skim N11 dijumlahkan pada tahun 2012 mereka berada di gred S17.

MEMPERKASA PROGRAM-PROGRAM KEMAHIRAN KEMAS

15. Selari dengan hasrat negara dalam RMKe-11 untuk mempersiapkan modal insan, maka KEMAS juga sentiasa mengambil langkah bagi memperkukuhkan program-program kemahiran seperti Pendidikan Kemahiran Jahitan, Masakan, Kraftangan Dandan Diri dan Pendidikan Literasi Komputer yang dilaksanakan melalui 3,558 buah kelas-kelas kemahiran pelbagai bidang dengan seramai 63,607 orang peserta. Pelaksanaan program-program kemahiran yang bermula sejak tahun 1980an lagi telah banyak membantu golongan belia, suri rumah dan masyarakat setempat supaya lebih berdikari. Malah melalui bidang-bidang kemahiran yang diperkenalkan, masyarakat telah diberi kesedaran, pendedahan dan peluang untuk meningkatkan kemahiran dalam bidang-bidang kemahiran tersebut.

16. KEMAS akan terus melaksanakan program pendidikan awal kanak-kanak dan program-program kemahiran ini yang menjadi wadah untuk menjalinkan hubungan dengan masyarakat setempat, malah pemimpin setempat untuk sama-sama turun padang untuk merasai denyut nadi rakyat.

17. Pada tahun 2007, KEMAS telah mewujudkan sebuah pusat bertauliah yang diiktiraf iaitu Akademi Kemahiran KEMAS Sri Iskandar, Perak dalam bidang pembuat pakaian wanita bagi Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan Diploma Kemahiran Fesyen Dan Pakaian (DKM). Manakala bagi meningkatkan kemahiran dalam bidang masakan pula, maka pada tahun 2010, Akademi

Kemahiran KEMAS Gopeng, Perak KEMAS juga telah diwujudkan sebagai pusat bertauliah untuk Program Persijilan Kemahiran Malaysia (SKM) dalam bidang masakan dan jahitan lelaki.

18. Sejak penubuhan kedua-dua akademi kemahiran ini, seramai 1,390 orang berjaya mendapat Sijil Kemahiran Malaysia dan Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang jahitan dan Kulinari. Dengan kemahiran yang telah diperolehi ini membolehkan para graduan berkenaan untuk mendapatkan pekerjaan yang setimpal dengan kemahiran yang ada. Tidak kurang juga ada dalam kalangan mereka yang membuka perniagaan sendiri.

19. Selaras dengan cabaran dan keperluan terhadap peningkatan tahap kemahiran yang tinggi, maka kompetensi Pemaju Masyarakat (PM) Kemahiran KEMAS juga perlu dipertingkatkan. Oleh itu, Pemaju Masyarakat (PM) Kemahiran juga turut ditawarkan untuk mengikuti Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) melalui kaedah Pengiktirafan Pentauliah Terdahulu (PPT) agar mereka lebih berkeyakinan untuk terus memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada masyarakat di luar bandar. Sehingga kini, terdapat seramai 1,193 orang PM Kemahiran KEMAS yang memiliki SKM 1 hingga SKM 4. Melalui Program Transformasi KKLW usaha-usaha sedang dibuat supaya sijil SKM ini boleh dijadikan tiket untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti khususnya IPT di bawah KKLW.

YAB Dato' Sri, Dato-Dato, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dirahmati sekalian,

PENGHARGAAN

20. Pasti setiap aktiviti yang KEMAS laksanakan ini mendapat sokongan dan kerjasama yang padu daripada pihak-pihak yang lain. Oleh itu, dikesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua Ahli Jawatankuasa Aktiviti KEMAS dalam pelbagai bidang kerana sentiasa membantu KEMAS untuk menjayakan aktiviti-aktiviti sepanjang tahun. Usaha ini telah menunjukkan keprihatinan tuan-tuan dan puan-puan terhadap pendidikan dan pembangunan dengan tampil secara sukarela, menyumbang masa, tenaga dan keringat serta kebendaan demi meningkatkan tahap pendidikan dan kemahiran masyarakat kita diluar bandar. Segala usaha tuan-tuan dan puan-puan ini tidak dapat kami balas, hanya ALLAH yang dapat membalasnya.

21. Akhir sekali, saya merakamkan tahniah kepada para penerima anugerah, juga mengucapkan selamat menyambut Hari Pendidik dan sambutan Ulang tahun ke-55 KEMAS. Laksanakan tugas anda dengan penuh tanggungjawab. Sempurnakan peranan anda

22. Sebagai Pemaju Masyarakat dengan penuh dedikasi, integriti serta mematuhi etika perkhidmatan. Amalkan lapan (8) prinsip perkhidmatan awam iaitu membudayakan ilmu, kebolehpercayaan, amalan terbaik, semangat patriotik, budaya keberhasilan, kreativiti dan inovasi, nilai tambah dan kompetensi serta pemuafakatan kerja.

PENUTUP

23. Sekali lagi saya bagi pihak KKLW dan KEMAS khususnya merakamkan jutaan terima kasih diatas kesudian YAB Dato' Sri hadir ke majlis kami pada petang ini yang sekaligus membawa berita gembira kepada warga KEMAS. Saya percaya berita gembira yang bakal YAB Dato Sri'

umumkan sebentar nanti merupakan buah tangan yang paling berharga terutamanya kepada seluruh warga kontrak KEMAS.

24. Ribuan terima kasih juga kepada YB Datuk Menteri-menteri serta semua hadirin di atas kesudian hadir ke majlis kami pada petang ini. Sesungguhnya kehadiran kalian telah memeriahkan lagi majlis Hari Pendidik KEMAS kali ini.

Sekian

Wabillahitawfiq wal hidayah,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh